

28 APR 2003

Zam-Abdullah

ABDULLAH MILIKI KEKUATAN MORAL UNTUK PIMPIN NEGARA, KATA ZAM

KUCHING, 28 April (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang akan menjadi Perdana Menteri selepas Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersara Oktober depan, mempunyai kekuatan moral untuk memimpin negara, kata Timbalan Menteri Penerangan Datuk Zainuddin Maidin hari ini.

Katanya dengan sikap Abdullah yang sedarhana dan mengambil kira kepentingan semua kaum, beliau akan meneruskan kesimbangan kepimpinan yang pasti akan mengukuhkan ekonomi dan memperhebatkan lagi pembangunan negara.

"Datuk Seri Abdullah mempunyai cara kepimpinan yang tersendiri dan beliau akan memastikan negara mencapai Wawasan 2020," kata pada perjumpaan dengan kakitangan Kementerian Penerangan di Sarawak untuk menerangkan isu-isu semasa yang dihadapi negara kini.

Katanya tindakan Abdullah yang menarik balik pengharaman "Bup Kudus", kitab Injil Bahasa Iban, adalah tanda beliau sangat sensitif terhadap kehendak dan keperluan semua kaum di negara ini.

Kata Zainuddin satu lagi keistimewaan Abdullah ialah beliau mempunyai jati diri Umno yang kuat yang dapat mengukuhkan parti itu supaya terus menjadi tulang belakang pemerintahan negara.

Mengenai rencana The Economist yang mengandungi tuduhan liar terhadap negara, Zainuddin berkata majalah itu berniat jahat.

"Ia juga mahu melaga-lagakan Abdullah dan Dr Mahathir tetapi rakyat sudah faham permainan media barat dan tahu membezakan antara fakta dan yang palsu," katanya.

Beliau juga berkata kakitangan Kementerian Penerangan di Sarawak patut menjadi benteng yang mempertahankan kehormatan negeri Sarawak daripada dicerobohi golongan pelampau kaum dan agama.

"Sarawak adalah contoh perpaduan rakyat dan toleransi antara kaum sangat kukuh dan rakyat dapat hidup dengan aman dan damai," katanya.

Katanya ini dapat dicapai kerana Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Abdul Taib Mahmud merupakan generasi yang sama-sama menuntut kemerdekaan dan sangat memahami kehendak sebuah negeri yang mempunyai 27 suku kaum.

Beliau berkata sempena perayaan 40 tahun Sarawak merdeka tahun ini, kakitangan kementerian Penerangan juga patut mengambil peranan utama untuk menyemai rasa cinta rakyat terhadap negara.

-- BERNAMA

MT LAT